

03 OCT 1999

PBTM MINTA PEMIMPIN TIDAK ABAIKAN BEKAS TENTERA

KOTA BAHARU, 3 Okt (Bernama) -- Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) meminta pemimpin setempat supaya tidak mengabaikan bekas tentera di kawasan masing-masing bagi memastikan golongan berkenaan terus taat kepada kerajaan.

Presidennya Datuk Mohamad Ghani berkata, kajian yang dilakukan mendapati kebanyakan pemimpin setempat tidak merancang program untuk bekas tentera menyebabkan mereka rasa tersisih dan membuat keputusan untuk bersama pembangkang.

"PBTM menerima aduan daripada anggotanya bahawa kehadiran mereka di kampung tidak mendapat perhatian daripada pemimpin setempat dan menyulitkan mereka berbakti kepada masyarakat," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Mohamad berkata, PBTM telah menganjurkan pelbagai program seperti kursus usahawan, kepimpinan dan peniaga kecil, kepada anggotanya bagi memastikan kehidupan harian bertambah baik selepas berbakti kepada negara.

Beliau juga berkata, PBTM akan menganjurkan perhimpunan pejuang bekas tentera di Kuala Lumpur dalam sedikit masa lagi dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan itu untuk memastikan bekas tentera taat kepada kepimpinan negara yang diketuai Dr Mahathir, katanya.

Mohamad juga mengakui ada segelintir bekas anggota tentera menyertai parti pembangkang dan meminta mereka kembali kepada kerajaan kerana pengorbanan kerajaan membantu mereka selama ini perlu dinilai.

-- BERNAMA

ANM PR